



Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

**Pembangunan dan Pengesahan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas
Membaca Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah**

Norhafizah binti Singki

**Sarjana Sastera
2025**

Pembangunan dan Pengesahan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca
Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah

Norhafizah binti Singki

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

(Pengajaran dan Pembelajaran)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2025

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan

Nama: Norhafizah binti Singki

No. Matrik: 22020147

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat limpah kurnia-Nya penulisan ini dapat disiapkan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian sarjana saya. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan khas buat Dr. Roslan bin Haji Ali, penyelia utama dan Dr. Zuraini binti Seruji penyelia bersama atas tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang proses pengajian saya di UNIMAS. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat semua warga Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi UNIMAS atas bantuan, sokongan, dorongan, dan kenangan manis sepanjang pengajian saya di UNIMAS. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya abadikan khas buat keluarga tercinta yang setia memberi dorongan serta sokongan sepanjang pengajian saya. Semoga segala kebaikan kalian dikembalikan jua kepada kalian oleh Allah S.W.T.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangun Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu Program Pemulihan Sekolah Rendah (UDKAM). Gabungan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian. Pendekatan kualitatif digunakan bagi membangunkan UDKAM dan kuantitatif digunakan bagi menilai kesahan dan kebolehpercayaan UDKAM. Kajian ini dijalankan berpandukan lima langkah dalam Model Diagnostik Kognitif Nichols, 1994. Lima langkah tersebut adalah substantif konstruk teori, pemilihan reka bentuk, pentadbiran ujian, skor respons dan semakan reka bentuk ujian. Pembangunan konstruk dan item UDKAM dijalankan secara kualitatif menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dengan merujuk sumber yang sahih dan berautoriti daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sampel kajian terdiri daripada lima orang pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang pemulihan khas, lapan orang guru pemulihan dan 30 orang murid pemulihan dari lapan buah sekolah rendah di Sarawak. Hasil kajian menunjukkan UDKAM mempunyai kesahan kandungan yang tinggi dengan pekali kesahan kandungan 0.96. UDKAM seterusnya ditadbir ke atas 30 orang murid pemulihan dari lapan buah sekolah di Sarawak dalam fasa rintis penggunaan UDKAM. Dapatan kajian rintis seterusnya dianalisis bagi menilai ketekalan dalaman UDKAM. Penilaian ketekalan dalaman UDKAM mendapati bahawa UDKAM mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai $KR-20 = 0.98$. Kesimpulannya, pembangunan dan validasi UDKAM ini sesuai dengan langkah-langkah Model Diagnostik Nichols 1994, serta memberi implikasi positif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu dalam konteks pendidikan pemulihan sekolah rendah.

Kata kunci: Pemulihan khas, kemahiran membaca, murid pemulihan, Bahasa Melayu

Development and Validation of a Basic Reading Skills Diagnostic Instrument for the Special Remedial Program for Primary Schools

ABSTRACT

This study aims to develop the Diagnostic Test for Basic Malay Reading Skills for the Primary School Remedial Program (UDKAM). A combination of qualitative and quantitative research designs were employed in the study. The qualitative approach was used to develop the UDKAM, while the quantitative approach was utilized to assess the validity and reliability of the UDKAM. The study was guided by the five steps in Nichols' 1994 Cognitive Diagnostic Model. These five steps include substantive construct theory, design selection, test administration, response scoring and test review. The construction and development of UDKAM items were carried out qualitatively using a literature review approach, referencing credible and authoritative sources from the Malaysian Ministry of Education. The study sample comprised five experts with experience in special remedial education, eight remedial teachers, and 30 remedial students from eight primary schools in Sarawak. The findings showed that UDKAM had a high content validity with a content validity coefficient of 0.96. UDKAM was then administered to 30 remedial students in Sarawak during the pilot phase. The pilot findings were analysed to evaluate the internal consistency of UDKAM. The internal consistency evaluation revealed that UDKAM had a high reliability level with a KR-20 value of 0.98. In conclusion, the development and validation of UDKAM align with the steps of Nichols's 1994 Cognitive Diagnostic Model and positively impact the quality of teaching and learning of the Malay language in the context of primary school remedial education.

Keywords: *Special remedial, reading skills, remedial students, Malay language*

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	6
1.4.1 Objektif Kajian	6
1.4.2 Persoalan Kajian	7
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.6.1 Batasan Kandungan Ujian Diagnostik (UDKAM)	8
1.6.2 Batasan Kemahiran Asas Membaca	9
1.6.3 Batasan Golongan Sasar Ujian Diagnostik	9
1.6.4 Batasan Pelaksanaan Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Program Pemulihan Khas	10

1.7.2	Murid Pemulihan	10
1.7.3	Ujian-Ujian Diagnostik	11
1.7.4	Kemahiran Pemulihan	12
1.7.5	Kemahiran Asas Membaca	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.8.1	Kepentingan kepada Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia	13
1.8.2	Kepentingan kepada Pihak Guru Pemulihan	14
1.8.3	Kepentingan kepada Pihak Murid dan Ibu Bapa	15
1.9	Rumusan	16
BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	17
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Teori dan Model Landasan Kajian	17
2.2.1	Model Diagnostik Kognitif Nichols	17
2.3	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Melayu	19
2.3.1	Pentaksiran Bilik Darjah	23
2.4	Kemahiran Membaca	24
2.5	Program Pemulihan Khas	26
2.6	Program Pemulihan Membaca di Malaysia	31
2.7	Kajian-Kajian Berkaitan Pemulihan Membaca Bahasa Melayu dan Pembangunan Ujian Diagnostik bagi Program Pemulihan di Malaysia	34
2.8	Rumusan	51
BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	53
3.1	Pendahuluan	53
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Sampel Kajian	58
3.3.1	Prosedur Persampelan	59

3.4	Instrumen Kajian	61
3.4.1	Instrumen Kajian Penilaian Kesahan UDKAM	61
3.4.2	Instrumen Kajian Penilaian Kebolehpercayaan UDKAM	64
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	64
3.5.1	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Satu	64
3.5.2	Prosedur Pengumpulan Data Fasa Dua	66
3.6	Prosedur Analisis Data	67
3.6.1	Prosedur Analisis Data Fasa Satu	67
3.6.2	Prosedur Analisis Data Fasa Dua	68
3.7	Rumusan	69
BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	70
4.1	Pendahuluan	70
4.2	Proses Pembangunan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca (UDKAM)	70
4.2.1	Langkah 1: Substantif Konstruk Teori	72
4.2.1.1	Penentuan Konstruk UDKAM	72
4.2.1.2	Penilaian Kesahan Konstruk UDKAM	74
4.2.2	Langkah 2: Pemilihan Reka Bentuk Ujian	78
4.2.2.1	Pembangunan Jadual Spesifikasi Ujian	78
4.2.2.2	Pembangunan UDKAM (Bahan Murid)	80
4.2.2.3	Pembangunan UDKAM (Bahan Guru)	85
4.2.2.4	Penilaian Kesahan UDKAM	87
4.2.3	Langkah 3: Pentadbiran Ujian	87
4.2.3.1	Panduan Pentadbiran UDKAM	88
4.2.3.2	Pentadbiran Kajian Rintis UDKAM	91
4.2.4	Langkah 4: Skor Respons	91

4.2.5	Langkah 5: Semakan Reka Bentuk	91
4.3	Penilaian Kesahan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca (UDKAM)	92
4.3.1	Profil Panel Pakar	92
4.3.2	Penilaian Kesahan Konstruk UDKAM	93
4.3.3	Penilaian Kesahan Muka UDKAM	95
4.3.4	Penilaian Kesahan Kandungan UDKAM	96
4.4	Penilaian Kebolehpercayaan Instrumen Diagnostik Kemahiran Asas Membaca (UDKAM)	97
4.4.1	Profil Sampel Kajian Rintis	98
4.4.2	Pelaporan Dapatan Kajian Rintis UDKAM	98
4.4.3	Penilaian Ketekalan Dalaman UDKAM Berdasarkan Formula KR-20	100
4.5	Rumusan	102
BAB 5:	PERBINCANGAN	103
5.1	Pendahuluan	103
5.2	Ringkasan Kajian	103
5.3	Implikasi Kajian	106
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	109
5.5	Rumusan	111
	RUJUKAN	112
	LAMPIRAN	120

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 2. 1 Kerangka Standard Prestasi	24
Jadual 2.2 Set kemahiran Pemulihan Khas Bahasa Melayu	30
Jadual 2.3 Senarai Kemahiran Literasi Program LINUS	32
Jadual 3.1 Langkah Pelaksanaan Kajian Berpandukan Model Diagnostik Kognitif Nichols (1994)	55
Jadual 3.2 Sampel Kajian Bagi Setiap Langkah Pelaksanaan Kajian	59
Jadual 3. 3 Instrumen Senarai Semak Penilaian Kesahan Konstruk UDKAM	61
Jadual 3.4 Item Penilaian Kesahan (Muka) UDKAM	62
Jadual 3.5 Item dalam Soal Selidim Penilaian Kesahan Kandungan UDKAM	63
Jadual 4.1 Senarai Dokumen Rujukan Penentuan Konstruk UDKAM	73
Jadual 4.2 Jadual Spesifikasi Konstruk	74
Jadual 4.3 Jadual Spesifikasi UDKAM	75
Jadual 4.4 Jadual Spesifikasi Konstruk UDKAM yang Dimurnikan Berdasarkan Saranan Pakar	78
Jadual 4.5 Jadual Spesifikasi Ujian	79
Jadual 4.6 Senarai Item bagi Konstruk Huruf	82
Jadual 4.7 Senarai Item bagi Konstruk Suku Kata	83
Jadual 4.8 Senarai Item bagi Konstruk Perkataan	83
Jadual 4.9 Profil Panel Pakar Penilaian Kesahan UDKAM	93
Jadual 4.10 Ringkasan penilaian konstruk UDKAM oleh panel pakar	94
Jadual 4.11 Skor Penilaian Kesahan Kandungan UDKAM	97
Jadual 4.12 Profil Murid	98

Jadual 4.13 Analisis Item UDKAM	99
Jadual 4.14 Dapatan Penilaian Kebolehpercayaan UDKAM	101

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian	8
Rajah 2.1 Carta Alir Pelaksanaan Program Pemulihan Khas	28
Rajah 3.1 Pemeringkatan Model Kognitif Nicols (1994) dalam kajian	57
Rajah 4.1 Proses dan Fasa Pembangunan UDKAM	71

SENARAI SINGKATAN

2M	Membaca dan menulis
3M	Membaca, menulis dan mengira
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JSK	Jadual Spesifikasi Konstruk
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KIA2M	Kelas Intervensi Asas Membaca dan Mengira
KP	Kemahiran Pemulihan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literacy and Numeracy Screening
PINCH	Program Pemulihan dan Intervensi
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBM	Program Bantu Membaca
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PiTS	Program Intervensi Tahun Satu
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia
PlaN	Primary Literacy and Numeracy
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SK	Standard Kandungan
SbK	Sub Konstruk
SLR	Systematic Literature Review
SP	Standard Prestasi
SPD	Sistem Pengurusan Data
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TP 1	Tahap Penguasaan Satu
TP 2	Tahap Penguasaan Dua
UASA	Ujian Akhir Sesi Akademik
UDKAM	Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penulisan bab satu kajian ini menerangkan latar belakang pelaksanaan kajian Pembangunan dan Pengesahan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah (UDKAM) dalam kerangka usaha membasmi masalah penguasaan kemahiran membaca dan menulis (2M) dalam kalangan murid pemulihan sekolah rendah. Pembangunan ujian diagnostik ini adalah sangat relevan dalam usaha membasmi masalah penguasaan kemahiran 2M memandangkan ujian diagnostik merupakan alat utama yang boleh dimanfaatkan oleh guru untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid pemulihan dalam menguasai kemahiran 2M khususnya kemahiran membaca dan membolehkan guru untuk merancang strategi intervensi yang bersesuaian. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharap dapat memberi input kepada pihak KPM dalam bidang PdP pemulihan khas sekolah rendah.

Penulisan bab satu dibahagikan kepada sembilan bahagian iaitu pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan rumusan.

1.2 Latar belakang Kajian

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid tahap satu (tahun satu, tahun dua dan tahun tiga) untuk menguasai sepenuhnya

asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis serta dilaksanakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran secara terancang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

KPM sememangnya memandang serius perihal penguasaan kemahiran literasi murid ke arah meningkatkan pencapaian pembelajaran pada peringkat seterusnya. Kerajaan telah menyediakan pelbagai program bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran literasi seawal usia persekolahan mereka. Salah satu program yang diusahakan oleh KPM ialah program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) yang membantu mengatasi masalah kesukaran menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi dalam kalangan murid sekolah rendah. Matlamat utama program LINUS ini adalah memastikan semua murid menguasai kemahiran asas literasi secara menyeluruh setelah mengikuti tiga tahun sesi persekolahan iaitu dari Tahun Satu hingga Tahun Tiga (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Selain program LINUS, Program Pemulihan Khas merupakan satu program yang sinonim dengan pelaksanaan intervensi bagi membantu murid mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas literasi. Program Pemulihan Khas merupakan satu program yang diwujudkan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) dan dilaksanakan oleh guru yang dilantik khas dalam ruangan khas di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015a).

Sehingga tahun 2024, Program Pemulihan Khas masih dijalankan di semua sekolah kebangsaan seluruh negara. Pelaksanaan Program Pemulihan Khas mutakhir ini dijalankan dengan berpandukan panduan terkini pelaksanaan Program Pemulihan Khas yang digariskan oleh KPM dalam Buku Panduan Pelaksanaan Pemulihan Khas Bahasa Melayu terbitan tahun

2019 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kelangsungan Program Pemulihan Khas sehingga hari ini menunjukkan bahawa kerajaan melalui KPM sentiasa memberi tumpuan utama terhadap usaha mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas 2M dalam kalangan murid seluruh negara.

Pada tahun 2024, KPM telah memperkenalkan Program Intervensi Tahun Satu (PiTS) yang bertujuan untuk mengenal pasti murid Tahun 1 yang belum berupaya menguasai kemahiran 3M. Program ini dijalankan dalam dua fasa iaitu fasa satu pada bulan Julai sehingga September dan fasa kedua dijalankan pada bulan Oktober sehingga November 2024. Pelaksanaan program ini menunjukkan keseriusan Kerajaan dalam kerangka membasmi masalah penguasaan 3M selain berperanan sebagai program sokongan kepada pelaksanaan Program Pemulihan Khas sedia ada (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM, 2024).

1.3 Pernyataan Masalah

Aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025 menggariskan bahawa setiap murid perlu menguasai sepenuhnya kemahiran literasi yang merupakan kunci kepada penguasaan disiplin ilmu yang lain dalam dunia pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Memetik kenyataan mantan Menteri Kanan Pendidikan Dr Radzi Jidin dalam Sinar Harian, KPM sedang berusaha untuk merealisasikan gelombang terakhir PPPM 2013 - 2025. Gelombang terakhir PPPM 2013 - 2025 lebih memberi fokus kepada anjakan ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan (fleksibel) operasi. Pelaksanaan pelan tindakan dalam PPPM 2013 - 2025 menyatakan hasrat yang tinggi dalam usaha menghasilkan murid yang berilmu, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran berbahasa, keupayaan memimpin, serta beretika dan mempunyai nilai kerohanian yang tinggi dan jati

diri kebangsaan yang kukuh (Bernama, 2022). Semestinya penguasaan kemahiran membaca diperlukan sebagai asas utama bagi menjayakan gelombang terakhir PPPM tersebut (Ramli, 2020).

Kerajaan sememangnya memandang serius isu penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Pelbagai program intervensi telah dilaksanakan sejak tahun 1960-an bagi membantu murid-murid sekolah rendah yang mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (Bahagian Pendidikan Khas, 2019). Usaha serius kerajaan dalam usaha membasmi masalah penguasaan 2M jelas ditunjukkan melalui pelaksanaan pelbagai Pelan Pembangunan Pendidikan seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006 – 2010) yang antara lainnya berhasrat untuk merapatkan jurang pendidikan dan memastikan murid-murid menguasai asas 2M pada tahap satu persekolahan peringkat rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

Usaha membasmi masalah penguasaan kemahiran asas 2M masih giat dilaksanakan sehingga hari ini, namun masalah penguasaan kemahiran 2M masih menyelubungi dunia pendidikan negara. Data menunjukkan bahawa seramai 13288 orang murid tahun dua hingga tahun enam di Sarawak masih gagal menguasai kemahiran asas 2M (Unit Pemulihan Khas Sektor Pembelajaran JPN Sarawak, 2021). Angka-angka yang ditunjukkan sememangnya agak besar dan merisaukan. Tambahan pula, kebelakangan ini, penularan wabak COVID-19 dilihat sebagai salah satu penyumbang kepada masalah penguasaan kemahiran asas 2M dalam kalangan murid. Rentetan pandemik COVID-19 sesi persekolahan selama 54 hari atau 3240 jam waktu persekolahan terpaksa ditangguhkan kerana pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (Hazhari Ismail, 2021).

Laporan Bank Dunia yang diterbitkan pada bulan April 2024 mendedahkan bahawa seramai 148,284 orang murid sekolah rendah seluruh negara menghadapi masalah kesukaran membaca pada akhir tahun 2022. Pada tahun 2024 pula, dilaporkan sebanyak 42% murid di Malaysia masih belum berupaya menguasai kemahiran membaca dengan baik, data yang dibentangkan ini adalah mengambil kira populasi murid Tahun 1 sehingga Tahun 5 di Malaysia (World Bank, 2024).

Masalah membaca sememangnya memberi impak terhadap keupayaan murid-murid untuk mencapai keputusan yang baik dalam semua mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu (Balanadam & Jamaluddin, 2021). Masalah penguasaan kemahiran membaca juga menimbulkan keresahan dalam kalangan warga pendidik dan perlu ditangani dengan segera bagi memastikan murid dapat mengikuti proses pembelajaran dengan jayanya (Zamri Mahamod et al., 2021). Satu pendekatan perlu diusahakan bagi membantu guru dalam menjalankan PdP bagi murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran literasi (Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Hamdan, 2018).

Pentadbiran ujian diagnostik merupakan langkah awal yang perlu dijalankan oleh guru pemulihan sebaik menerima pencalonan murid untuk mengikuti Program Pemulihan Khas. Dalam konteks pelaksanaan Program Pemulihan Khas di Malaysia, guru-guru pemulihan adalah digalakkan untuk membangunkan instrumen ujian diagnostik untuk kegunaan di sekolah, dan galakan ini dijemakan melalui aktiviti perbengkelan pembangunan ujian diagnostik yang dikendalikan di setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) secara tahunan (Suhaimie, 2022). Diagnostik yang tepat adalah sangat diperlukan bagi memastikan intervensi yang dijalankan oleh guru pemulihan difokuskan kepada kesukaran sebenar yang dihadapi oleh murid pemulihan (Nur Faizahton & Nur Azimah, 2023).

Bertitik tolak dari statistik dan syor yang dikemukakan oleh pengkaji terdahulu, maka pelaksanaan kajian Pembangunan dan Pengesahan UDKAM adalah sangat signifikan untuk dijalankan sebagai satu usaha membasmi masalah penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid khususnya murid pemulihan. Ujian diagnostik yang dibina adalah bertujuan untuk digunakan dalam proses pengesanan daerah kelemahan murid pemulihan dalam menguasai kemahiran membaca. Proses pengesanan ini adalah sangat penting bagi membolehkan guru pemulihan menyediakan intervensi yang terbaik dan berkesan bagi membantu murid pemulihan menguasai kemahiran asas membaca dengan jayanya.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah (UDKAM) bagi membantu mengesan kelemahan murid pemulihan dalam menguasai kemahiran asas membaca. Pengesanan tahap penguasaan dan daerah kelemahan murid pemulihan dalam kemahiran membaca adalah sangat perlu bagi memudahkan guru pemulihan menyediakan intervensi yang sesuai berdasarkan tahap penguasaan setiap murid.

1.4.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan proses bagi membangunkan UDKAM.
- ii. Menilai kesahan UDKAM.
- iii. Mengukur nilai kebolehpercayaan UDKAM.

1.4.2 Persoalan Kajian


Persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Bagaimanakah Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca dibangunkan?
- ii. Berapakah nilai kesahan UDKAM?
- iii. Berapakah nilai kebolehpercayaan UDKAM?

1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dirangka bagi menerangkan perkaitan antara pemboleh-pemboleh ubah yang hendak dikaji (Creswell, 2010). Pemboleh ubah bersandar kajian ini ialah penguasaan kemahiran asas membaca dalam kalangan murid pemulihan, manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah Pembangunan ujian diagnostik bagi membantu guru pemulihan mengenal pasti daerah kelemahan atau kemahiran yang belum dikuasai murid bagi membolehkan penyediaan intervensi yang berkesan bagi membantu murid menguasai sesuatu kemahiran.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian. Model Penilaian Diagnostik Kognitif Nichols (1994) dijadikan sebagai model landasan dalam membina UDKAM. UDKAM dibina melalui lima langkah yang disyorkan dalam Model Penilaian Diagnostik Kognitif Nichols iaitu substantif konstruk teori, pemilihan reka bentuk, pentadbiran ujian, skor respons, dan semakan reka bentuk. Penerangan lanjut berkenaan proses Pembangunan UDKAM dibincangkan dalam bab metodologi kajian. UDKAM yang siap dibina dan telah melalui proses penilaian kesahan dan kebolehpercayaan sedia digunakan untuk mengesan daerah kelemahan murid pemulihan dalam menguasai kemahiran asas membaca.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini merangkumi tiga aspek iaitu batasan kandungan ujian diagnostik, batasan kemahiran asas membaca dan batasan golongan sasaran ujian diagnostik.

1.6.1 Batasan Kandungan Ujian Diagnostik (UDKAM)

Kandungan Ujian Diagnostik Kemahiran Asas Membaca Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah terdiri daripada lapan kemahiran daripada 32 set kemahiran pemulihan. Lapan kemahiran tersebut adalah kemahiran huruf kecil, huruf besar, huruf vokal, suku kata KV (Konsonan + Vokal), perkataan KVKV (Konsonan + Vokal + Konsonan + Vokal), perkataan VKV (Vokal + Konsonan + Vokal), perkataan KVKVKV (Konsonan + Vokal +

Konsonan + Vokal + Konsonan + Vokal) dan perkataan KVK (Konsonan + Vokal + Konsonan). Lapan kemahiran ini dipilih sebagai kandungan UDKAM kerana lapan kemahiran ini merupakan kemahiran paling asas dalam menguasai kemahiran membaca. Kemahiran sembilan hingga kemahiran 32 merupakan kemahiran lanjutan yang dikembangkan daripada lapan kemahiran asas tersebut.

1.6.2 Batasan Kemahiran Asas Membaca

UDKAM hanya berfokus pada kemahiran asas membaca sahaja. Kandungan ujian ini tidak memberi fokus kepada kemahiran membaca dan memahami perkataan, frasa, ayat dan perenggan. Ujian ini juga tidak melibatkan kemahiran menulis yang terdiri daripada pra tulisan sehinggalah menjawab soalan pemahaman. Hal ini bermakna, pentadbiran ujian ini akan dijalankan secara lisan sepenuhnya dan respons murid di rekod dalam borang pemarkahan yang disediakan.

1.6.3 Batasan Golongan Sasar Ujian Diagnostik

Ujian diagnostik kemahiran asas membaca Program Pemulihan Khas adalah dibina untuk digunakan bagi mengenal pasti daerah kelemahan murid pemulihan dalam menguasai kemahiran asas membaca dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid pemulihan merupakan sekumpulan murid yang tidak melepasi tahap penguasaan minimum dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan telah dicalonkan oleh guru Bahasa Melayu aliran perdana untuk mengikuti Program Pemulihan Khas.

1.6.4 Batasan Pelaksanaan Kajian

Pelaksanaan kajian ini adalah pada tahap Pembangunan dan pengesahan UDKAM sahaja. Hal ini bermakna pelaksanaan kajian berakhir dengan pelaksanaan kajian rintis